

14/01/2003

Pengganas bertambah jika serang Iraq: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia memberi amaran serangan terhadap Iraq bukan saja menjejaskan usaha memerangi keganasan antarabangsa, malah membangkitkan kemarahan berterusan umat Islam sejagat dan mungkin menambahkan lagi bilangan pengganas.

Sambil menyifatkan dunia kini bagaikan kembali ke Zaman Batu, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad berkata, suatu ketika dulu negara Islam sepakat mengenai perlunya Iraq disekat daripada bersikap agresif, tetapi semangat

pemuafakatan itu sudah hilang.

"Umat Islam melihat pendirian yang diambil terhadap Iraq sebagai satu lagi tindakan diskriminasi terhadap umat Islam," kata Perdana Menteri ketika merasmikan mesyuarat ke-11 Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) di sini, semalam.

Amerika Syarikat kini sudah bersedia melancarkan serangan terhadap Iraq

seawal pertengahan bulan depan. Tenteranya di Teluk ketika itu akan melebihi 150,000 orang selepas satu lagi arahan penghantaran tentera dikeluarkan, kali kedua dalam tempoh 24 jam, kelmarin.

Agensi berita AFP melaporkan, Setiausaha Pertahanan Amerika, Donald Rumsfeld, menandatangani penghantaran terbaru 27,000 askar lagi ke Teluk kelmarin selain 35,000 yang dihantar lewat Jumaat lalu. Penghantaran itu adalah ketiga sejak 24 Disember lalu apabila 25,000 askar diarah ke rantau itu.

Dr Mahathir berkata, masyarakat antarabangsa gagal mengendali dan menguruskan diri berdasarkan apa yang sedang berlaku di Iraq, Korea Utara

dan Palestin serta banyak lagi tempat lain yang bermasalah.

Katanya, walaupun berlaku kemajuan teknologi dan dakwaan kononnya wujud

tamadun yang lebih berperikemanusiaan dan canggih, keupayaan untuk membunuh sebagai satu ukuran kekuatan, masih menjadi amalan.

Malah katanya, melabelkan orang sebagai syaitan atau paksi kejahatan tidak menyelesaikan masalah, sebaliknya ungkapan seumpama itu membangkitkan kemarahan.

"Sebenarnya, saya berpendapat kita tidak banyak maju sejak Zaman Batu.

Mereka guna belantan dan kita guna senjata nuklear, tetapi tujuannya masih sama. Sekarang adalah masa bagi kita merenung dan berfikir.

"Menindas orang lain atau membinasakan negara mereka juga tidak menyelesaikan masalah," katanya pada mesyuarat itu yang dihadiri kira-kira

170 wakil dari 27 negara, termasuk Australia, Kemboja, Vietnam, Amerika Syarikat, Chile, China, Fiji, Indonesia, Mongolia, Mexico, Singapura, Thailand, Korea Selatan, Micronesia, Jepun, New Zealand, Filipina, Russia

dan Peru.

Dr Mahathir berkata, banyak punca keganasan tetapi sebab utama adalah

wilayah dan bukannya agama, seperti dialami Palestin.

"Keganasan yang melanda dunia pada hari ini mempunyai kaitan terus dengan nasib rakyat Palestin. Israel sepatutnya sudah sedar bahawa tindakan pertahanan dan keselamatan, malah bertindak lebih ganas daripada

'pengganas', tidak dapat menghalang pejuang berani mati," katanya.

Presiden George W Bush sebelum ini menganggap Korea Utara sebagai negara

paksi kejahatan bersama Iran dan Iraq, dengan mendakwa ketiga-tiga negara

itu mengancam keselamatan dunia dengan senjata pemusnah.

Amerika menganggap tiga negara terbabit tidak boleh memiliki senjata bahaya kerana didakwa menyokong pengganas.

Sebelum ini, isu senjata nuklear Korea Utara sering menimbulkan ketegangan dengan Amerika dan jirannya Korea Selatan.

Dr Mahathir berkata, dunia perlu mengikis budaya dan nilai lamanya, dan

memperbaharui tamadunnya.

Katanya, dunia yang sudah mengharungi proses globalisasi, perlu diubah daripada tanggapan mengenai sesuatu dan cara menangani masalah juga hendaklah disesuaikan dengan keadaan.

"Malangnya, dunia mengusutkan lagi keadaan. Bukan saja kita berusaha untuk menangani punca keganasan, kita sebenarnya mewujudkan keganasan baru," katanya.

Merujuk kepada kemungkinan berlakunya perang di Iraq kerana negara itu disyaki mempunyai senjata nuklear, beliau berkata walaupun Korea Utara mengaku mempunyai keupayaan nuklear, ia tidak diancam seperti yang dilakukan terhadap Iraq.

"Kita tidak mahu melihat Korea Utara diancam peperangan dan negara itu diserang. Tetapi sikap berlembut terhadap Korea Utara akan menambah kemarahan orang Islam," katanya.

Sambil mengakui Korea Utara bukanlah sebuah negara yang mudah untuk berurusan, Dr Mahathir berkata, itu tidak seharusnya menghalang dunia daripada belajar bagaimana untuk berkawan dengannya dan mendapatkan kerjasamanya.

"Menyekat bekalan makanan dan keperluan lain tidak akan menyebabkan ia berlutut. Mungkin kita boleh gunakan bom nuklear untuk menghapuskannya tetapi itu adalah satu pengakuan mengenai kegagalan kita," katanya.